



## **SIARAN AKHBAR KENYATAAN DASAR AMBD 1/2015**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini mengeluarkan Kenyataan Dasar AMBD bagi separuh pertama 2015 yang secara lazimnya dikeluarkan dua kali setahun.
2. AMBD menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi global kekal sederhana dan tidak seimbang pada separuh pertama 2015. Ekonomi Negara Brunei Darussalam menurun sebanyak 2.3% pada 2014 disebabkan penurunan pada Sektor Minyak dan Gas. Kadar inflasi setakat ini kekal rendah. Dolar Brunei, selaras dengan Dolar Singapura, dijangka akan terus bertambah nilai berbanding dengan nilai mata wang rakan perdagangannya yang lain. Ini akan dapat membantu mengawal tekanan inflasi dari luar negara bagi bulan-bulan seterusnya.
3. AMBD juga mengulaskan beberapa perkembangan kewangan di negara ini termasuk pengeluaran Notis Peraturan yang telah mula berkuatkuasa pada 8 Jun 2015 bagi mengawal hutang isi rumah. Pada 2014, jumlah aset dan *deposit* dalam sistem perbankan, masing-masing menurun sebanyak 3.7% dan 4.3% berbanding dengan 2013. Walau bagaimanapun, sektor perbankan di negara ini terus menunjukkan ketahanan dengan *Regulatory Capital Adequacy Ratio* yang tinggi dan penurunan pada nisbah pembiayaan yang tidak berbayar.
4. AMBD seterusnya memaklumkan bahawa AMBD dengan kerjasama Kementerian Kewangan, sedang melaksanakan projek penubuhan bursa saham tempatan. Perkembangan ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti industri kewangan dan meningkatkan sumbangan perkhidmatan kewangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sepetimana yang dihasratkan di dalam Wawasan 2035.
5. Untuk maklumat lanjut mengenai Kenyataan Dasar AMBD 1/2015, sila layari laman sesawang <http://www.ambd.gov.bn>

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 26 Ramadhan 1436 / 13 Julai 2015

Rujukan: AMBD/COMMS/3